

## Gas Malaysia sumbang alat sekolah untuk 350 pelajar B40

**HULU SELANGOR** – Seramai 350 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Batang Kali (SMKBBK) menerima bantuan persekolahan menerusi program anjuran Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia), di sini semalam.

Pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan B40 itu menerima bantuan barang keperluan seperti kasut, pakaian seragam, beg dan alatan tulis bagi memulakan sesi persekolahan pada Mac depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap berkata, program *Back To School* ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diadakan julung kali tahun ini.

Ujarnya, sektor pendidikan merupakan antara empat tonggak utama CSR di bawah Gas



**AHMAD HASHIMI (belakang, enam dari kanan) bersama sebahagian pelajar yang menerima bantuan pada program *Back To School* Gas Malaysia di SMKBBK, Batang Kali, Hulu Selangor semalam.**

Malaysia yang dianjurkan pada setiap tahun selain komuniti, sukan dan persekitaran.

"Kami percaya bahawa setiap kanak-kanak berhak mendapat

peluang pendidikan berkualiti, tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi mereka.

"Program *Back To School* yang diadakan Gas Malaysia hari ini

(semalam) mencerminkan komitmen kami untuk menyumbang semula kepada komuniti sekaligus memperkasakan generasi akan datang.

"Diharap kerjasama antara Gas Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah dan SMKBBK ini dapat membantu pelajar-pelajar kurang berkemampuan untuk memulakan sesi persekolahan yang akan bermula tak lama lagi," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program itu di SMKBBK, di sini semalam.

Jelasnya, setiap tahun Gas Malaysia memperuntukkan dana RM1 juta bagi menjayakan program-program CSR di seluruh negara.

Pengetua SMKBBK, Hanishah Mohd. berkata, daripada keseluruhan pelajar berjumlah 1,686 di sekolah itu sebanyak 81 peratus daripadanya adalah golongan B40 yang memerlukan bantuan.

Ujarnya, dia tidak dapat menyembunyikan rasa terkejut, malah rasa bersyukur apabila terpilih sebagai salah sebuah sekolah yang menerima bantuan alat persekolahan Gas Malaysia.